



## **FAQ Pakej Perpaduan Prabayar Internet Mudah Alih (*prepaid*)**

---

### **1. Apa itu Pakej Perpaduan?**

Pakej Perpaduan Prabayar Internet Mudah Alih (*prepaid*) adalah tawaran prabayar khas (*prepaid*) untuk warganegara Malaysia bagi menangani peningkatan kos sara hidup dengan memenuhi keperluan untuk perkhidmatan komunikasi asas yang penting dan mengurangkan kos ketersambungan dengan tempoh sah laku yang lebih lama iaitu 180 hari. Pakej ini tertakluk kepada Terma dan Syarat oleh setiap Operator Rangkaian Mudah Alih (MNO) dan Operator Rangkaian Maya Mudah Alih (MVNO) yang mengambil bahagian dalam tawaran ini iaitu CelcomDigi, Maxis, U Mobile, Telekom Malaysia, YTL Communications, XOX Com Sdn. Bhd., Tune Talk dan Pavo Communications.

### **2. Apakah tawaran bagi Pakej Perpaduan?**

Pengguna boleh menikmati 30GB Internet dengan kelajuan sehingga 3Mbps selama 180 hari.

### **3. Siapakah yang layak untuk melanggan Pakej Perpaduan?**

Pakej Perpaduan Prabayar Internet Mudah Alih (*prepaid*) adalah disasarkan kepada:

- i. Remaja dan Belia (12-30 tahun);
- ii. Warga Emas (60 tahun dan ke atas);
- iii. Pesara Polis, Veteran Tentera dan Pesara Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM);
- iv. Orang Kurang Upaya (OKU); dan
- v. Kumpulan Berpendapatan B40 (isi rumah berpendapatan RM4,850 sebulan dan kebawah).

**4. Adakah Pakej Remaja yang ditawarkan oleh Kerajaan masih diteruskan atau akan diganti dengan Pakej Perpaduan?**

Pakej Remaja akan dihentikan selepas pelancaran Pakej Perpaduan iaitu pada 28 Februari 2023. Walau bagaimanapun, pengguna Pakej Remaja yang mematuhi syarat kelayakan untuk melanggani Pakej Perpaduan boleh melanggan Pakej Perpaduan melalui aplikasi penyedia perkhidmatan tanpa pembelian kad SIM yang baru.

**5. Dimanakah Pakej Perpaduan boleh dibeli?**

Pakej Perpaduan boleh dibeli dengan hadir secara bersemuka di pusat/ kios penyedia perkhidmatan (Telco) yang terlibat ataupun secara dalam talian melalui laman sesawang telco yang terlibat.

**6. Apakah dokumen yang diperlukan bagi mendaftar untuk Pakej ini?**

Memandangkan Pakej ini disasarkan kepada golongan tertentu, dokumen-dokumen berikut diperlukan untuk pengesahan :

<b>Kategori Pengguna</b>	<b>Dokumen yang diperlukan</b>
1. Belia (12-30 tahun);	i. Kad Pengenalan
2. Warga Emas (60 tahun dan ke atas);	
3. Golongan B40	
4. Veteran Tentera, Pesara Polis dan Pesara Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM); dan	i. Kad Pengenalan; dan ii. Kad Pesara/ Veteran.
5. Orang Kurang Upaya (OKU)	i. Kad Pengenalan; dan ii. Kad OKU

**7. Bolehkah Pakej ini dilanggan oleh bukan warganegara Malaysia?**

Pakej ini hanya boleh dilanggan oleh warganegara Malaysia.

**8. Bilakah Paket Perpaduan akan mula ditawarkan?**

Paket ini mula ditawarkan pada 28 Februari 2023 sehingga 31 Disember 2023.

**9. Bagaimanakah jika data sedia ada (30GB) saya telah habis digunakan sebelum tamat tempoh 180 hari?**

Sepertimana kad prabayar yang lain, pengguna boleh melanggan mana-mana pas internet yang aktif.

**10. Adakah saya boleh melanggan semula Paket Perpaduan Internet Mudah Alih dengan operator berbeza apabila data telah habis atau tempoh 180 hari tamat?**

Ya.

Nota: FAQ ini merupakan FAQ asas bagi Paket Perpaduan. Setiap telco akan mengeluarkan FAQ terperinci bagi Paket Perpaduan berdasarkan spesifikasi masing-masing.